

UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK

MARKAH				
BAHAGIAN A	BAHAGIAN B	BAHAGIAN C	BAHAGIAN D	JUMLAH
10	10	10	20	50

Satu jam lima belas minit


Bahagian A [10 markah]

Soalan 1 hingga 3

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Negara Malaysia unik kerana terdiri daripada _____ kaum yang bebas mengamalkan agama dan budaya masing-masing.
- A** setiap **C** beberapa
B pelbagai **D** semua

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Setiap petang, Nazirul dan kawan-kawannya _____ taman rekreasi dengan menunggang basikal.
- A** berjoging **C** melintasi
B bersenam **D** mengelilingi
- 3 Kakak memasukkan _____ yang telah dihiris itu ke dalam kualiti lalu menumisnya.
- A** bebawang **C** bebola
B kekacang **D** geguli

Soalan 4 dan 5

Pilih ayat yang betul.

- 4 **A** Ayah menghadihkan sehelai selendang terhadap Azzwin.
B Para peserta diminta untuk berkumpul di padang sekolah selepas selesai memasang khemah.
C Semasa berkunjung ke rumah jiran tetangga, setiap individu mesti mengamalkan tatarakyat yang baik.
D Kitar sampah merupakan salah satu cara untuk mengurangkan pembuangan sampah.
- 5 I Rumah-rumah di Taman Mas Pertama cantik-cantik belaka.
 II Keputusan ujian bulanan akan diumumkan oleh Cikgu Norhayati.
 III RTM akan menyiarkan semula rancangan hiburan popular itu.
 IV Kakak suka menanam pokok bunga Orkid.
- A** I dan III **C** I, II dan IV
B II dan IV **D** II, III dan IV

Soalan 6 hingga 8

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Legoland Malaysia merupakan sebuah taman tema yang dibuka di Nusajaya, Johor, Malaysia pada 15 September 2012. Ia juga merupakan taman tema Legoland yang pertama pernah dibuka di Asia semenjak penubuhannya.

Susun atur Legoland Malaysia bermula di pintu masuk utama dan secara tradisionalnya akan memaparkan pemandangan Legoland. Selain itu, The Big Shop, iaitu kedai yang terbesar dalam menjual produk Lego seperti permainan, set blok, DVD, buku dan cenderamata Legoland dan lain-lain kemudahan yang biasa terdapat di pintu masuk juga disediakan.

Seksyen "Imagination" berada di kiri kawasan permulaan pintu masuk. Permainan "Interactive Lego" bertujuan untuk mengasah kemahiran membina pelbagai bangunan atau barangan Lego yang interaktif seperti rumah, kereta, pencakar langit dan lain-lain. Selepas ia dibina, model yang dihasilkan boleh diuji. Sebuah permainan komputer dan juga tarikan robotik daripada Lego iaitu "Lego Mindstorms" telah disediakan.

"Sky Cruiser" merupakan sebuah kenderaan yang bercirikan monorel udara di mana pengunjung boleh mengayuhnya mengelilingi trek di atas laluan Legoland Malaysia. Pengunjung juga akan menyaksikan pemandangan bandar yang menakjubkan di luar kompleks Legoland.

"Kids Power Tower" merupakan sebuah menara yang membenarkan para pengunjung menggerakkan kerusi kenderaan ke atas menara serta mempunyai tali kerusi yang boleh dijatuhkan. Bilik permainan "Lego Duplo" merupakan kawasan yang interaktif untuk kanak-kanak kecil di antara umur 2 hingga 6 tahun. Kawasan ini juga menyediakan kedai serta restoran. Istana bukit terletak di belakang taman "Lego Knights" dan istananya adalah bercirikan puteri raja.

Legoland Malaysia juga menyasarkan 1.5 juta pengunjung menjelang pembukaannya dan menjana lebih daripada RM100 juta pada tahun pertama operasinya.

- 6 Bilakah taman tema Legoland dibuka?
- ☒ A 15 September 2012
 - ☐ B 22 September 2012
 - ☐ C 21 Jun 2013
 - ☐ D 25 Mac 2014
- 7 Pada pendapat anda, apakah tarikan utama para pengunjung untuk datang mengunjungi Legoland Malaysia?
- ☒ A Kids Power Tower
 - ☐ B Lego Duplo
 - ☐ C Sky Cruiser
 - ☐ D Lego Knights
- 8 Pilih pernyataan **tidak benar** tentang petikan tersebut.
- ☒ A Pembukaan rasmi taman tema ini dilancarkan oleh Sultan Ibrahim Ismail.
 - ☐ B Legoland berjaya menjana kurang daripada RM100 juta pada tahun pertama operasinya.
 - ☐ C Legoland merupakan taman tema Legoland yang pertama pernah dibuka di Asia semenjak penubuhannya.
 - ☐ D Legoland Malaysia menyasarkan 1.5 juta pengunjung menjelang pembukaannya dan menjana lebih daripada RM100 juta pada tahun pertama operasinya.

Soalan 9 dan 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Karnival Usahawan Bumiputera Sarawak

Anjuran : Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Dewan Bandaraya Kuching Utara.

Tarikh : 20 - 21 Julai 2024

Masa : 9.00 pagi

Tempat : Stadium Perpaduan Kuching

Objektif : Menggalakkan masyarakat membeli barangan tempatan

Aktiviti-aktiviti:

- 🗨️ Jualan Produk Industri Kecil dan Sederhana
- 🗨️ Jualan Hasil Pertanian dan Kraf Tangan
- 🗨️ Pameran Produk Tempatan

Borang untuk penyewaan gerai boleh diperolehi di :
– Pejabat Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak
– Kaunter Dewan Bandaraya Kuching Utara

BAHAN 2

Ayah : Sabtu ini, ayah bercadang untuk ke Festival Industri Kecil dan Kraf Tangan anjuran negeri Johor. Adakah kamu berminat untuk menyertai?

Saiful : Menarik sekali, saya amat berminat dengan seni kraf tangan malahan baru-baru ini cikgu mengajarkan kami mengenai kepentingan menghargai kraf tangan negara kita.

Ayah : Betul, kita mestilah menghargai seni kraf tangan dan barangan tempatan kerana dapat memajukan industri tempatan serta boleh meningkatkan imej negara kita.

Saiful : Betul, selain itu juga barang yang dihasilkan oleh mereka amat berkualiti dan bermutu tinggi. Tidak sabar rasanya untuk ke sana nanti!

Ayah : Betul, kita mestilah menghargai seni kraf tangan dan barangan tempatan kerana dapat memajukan industri tempatan serta boleh meningkatkan *imej* negara kita.

9 Maksud perkataan *imej* dalam dialog di atas ialah

- ☒ A gambaran.
- ☐ B aktiviti.
- ☐ C corak.
- ☐ D pola.

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- ☐ A Tujuan Karnival Usahawan Bumiputera Sarawak diadakan ialah untuk menjual barang-barangan luar negara.
- ☐ B Ayah tidak menggalakkan Saiful menyertainya ke Festival Industri Kecil dan Kraf Tangan anjuran negeri Johor.
- ☒ C Borang penyewaan gerai di Karnival Usahawan Bumiputera Sarawak boleh diperolehi di kaunter Dewan Bandaraya Kuching Utara.
- ☐ D Rakyat asing dan tempatan digalakkan membeli barangan buatan tempatan keluaran rakyat Malaysia.

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca dialog di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kakak : Zeti, tolong asingkan tiga ikat sayur bayam dan tujuh ikat sayur kacang buncis.
 Zeti : Baiklah, kakak. Bayam dan kacang buncis ini untuk siapa?
 Kakak : Bayam dan kacang buncis itu untuk Mak Hajah. Dia akan datang mengambilnya sebentar lagi.
 Zeti : Berapakah harga seikat bayam dan kacang buncis, kakak?
 Kakak : Harganya cuma dua ringgit seikat. Jangan lupa masukkan sayur-sayur itu ke dalam beg plastik supaya senang Mak Hajah hendak membawanya nanti. Kemudian, masukkan dua ikat sayur kacang panjang dan dua ikat timun untuk Kak Latifah.
 Zeti : Oh, murah sahaja harga sayur ini! Sayur dari kebun kita pun segar-segar. Patutlah sayur kakak *laris*.
 Kakak : Kakak menggunakan baja kompos daripada sisa-sisa makanan bagi menyuburkan tanah. Kakak tidak menggunakan baja kimia atau racun serangga. Dengan cara ini, hasil tanaman selamat untuk dimakan.

(a) Perkataan *laris* dalam petikan boleh digantikan dengan laku. [1 markah]

(b) Mengapakah kakak menggunakan baja kompos, bukan baja kimia?
Kakak menggunakan baja kompos, bukan baja kimia untuk menyuburkan tanah supaya hasil tanaman selamat untuk dimakan.

[2 markah]

(c) Gariskan **satu** penjodoh bilangan yang terdapat dalam dialog diberi.

Kakak : Harganya cuma dua ringgit seikat. Jangan lupa masukkan sayur-sayur itu ke dalam beg plastik supaya senang Mak Hajah hendak membawanya nanti.

[1 markah]

(d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

Kakak tidak menggunakan baja kimia atau racun serangga. Dengan cara ini, hasil tanaman selamat untuk dimakan.

Hasil tanaman kakak selamat untuk dimakan kerana kakak tidak menggunakan baja kimia atau racun serangga.	✓
Hasil tanaman yang menggunakan baja kimia atau racun serangga tidak ditanam oleh kakak.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah.

Kemudian berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Semasa berjalan pulang dari sekolah, kamu telah melihat rumah di kawasan kejiranan kamu terbakar. Banyak asap keluar dari rumah tersebut namun tiada orang yang keluar dari rumah itu.

Sebagai seorang jiran, apakah yang akan kamu akan lakukan?

Sebagai seorang jiran saya akan segera menelefon pihak bomba kerana kebakaran harus dipadam dengan segera bagi mengelakkan api merebak ke sama ada rumah sebelah. Setelah itu saya akan memanggil jiran tetangga yang berhampiran untuk melihat sama ada terdapat orang ataupun tidak di dalam rumah yang harus diselamatkan. Kemudian memanggil orang ramai untuk membantu memadamkan api sebelum pihak bomba datang.

[5 markah]


Bahagian C
[10 markah]

Gambar di bawah menunjukkan amalan kejiranan yang perlu kita amalkan.

Tulis pendapat kamu tentang **amalan kejiranan**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.




Jiran merupakan orang yang paling hampir dengan kita. Amalan kejiranan perlu disuburkan demi menjamin kesejahteraan dan keharmonian masyarakat. Salah satu amalan kejiranan yang telah sebatik dalam kehidupan masyarakat Malaysia ialah amalan menziarahi jiran tetangga. Amalan tersebut amat mudah dipraktikkan kerana dapat dilakukan tanpa mengira masa, agama dan kaum. Selain itu, masyarakat di negara ini juga sudah terkenal dengan sikap peramah. Oleh itu, amalan bertegur sapa sudah menjadi lumrah bagi kebanyakan kita. Setiap kali bertemu orang yang dikenali, pasti tangan akan dihulur untuk bersalaman sambil bertanya khabar. Konklusinya, amalan kejiranan yang menjadi sebahagian daripada rutin harian rakyat Malaysia telah menjadikan hubungan antara mereka bagai isi dengan kuku.

[10 markah]

Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**.

Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.



Pendahuluan:

bersiap-siap – bercuti ke Terengganu – bersama rakan-rakan – menaiki bas – bandar – menarik – bertolak – tiba di hotel

Isi 1:

destinasi pertama – melawat – kilang mencanting batik – sibuk – penuh – orang – gembira – pertama kali – melihat batik – warisan orang Terengganu

Isi 2:

petang – berjalan-jalan sekeliling – Pantai Batu Buruk – sangat nyaman – cantik – udara segar – menenangkan fikiran – bermain bersama rakan – makan – minum

Isi 3:

keesokannya – melawat – kilang pembuatan keropok ikan – mendengar – sejarah pembuatan – mengetahui cara pembuatan – teruja – pengalaman baru – singgah di gerai makanan – makanan tengah hari

Isi 4:

melawat – Kampung Melayu Asli – bertemu orang – membuat Wau Bulan – melihat koleksi Wau-wau Bulan – terpesona – unik – seni kraf tangan

Penutup:

tiba masa – pulang – rumah – gembira – pengalaman – baru – cerita – kawan – memori yang sangat indah

[illegible]

[20 *markah*]